

28 OCT 1998

Najib-Pemimpin

NAJIB ENGGAN ULAS SPEKULASI CITA-CITA KEPIMPINANNYA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 28 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini enggan mengulas apabila ditanya mengenai spekulasi tentang cita-cita beliau menjadi Perdana Menteri.

Semasa ditanya: "Adakah Datuk Seri akan bertanding bagi jawatan itu bila tiba masanya nanti...."

Najib terus ketawa (selama beberapa saat) dan berkata: "Tidak. Saya tak boleh jawab soalan itu."

Beliau berkata itu soalan yang terus terang, dan menambah; "Anda tidak membazirkan banyak masa."

Najib ditemui sejurus selepas beliau keluar daripada sesi dialog tertutup selama satu-setengah jam dengan kira-kira 220 pelajar Malaysia di RMIT University di sini hari ini.

Najib, yang berada di sini bagi menyampaikan ucap utama pada majlis pelancaran "Interact Asia Pacific Festival" esok, telah memberi penerangan kepada pelajar mengenai situasi ekonomi dan politik di Malaysia.

Beliau mempertahankan langkah-langkah terbaru kawalan kewangan dan pertukaran mata wang oleh Kerajaan Malaysia bagi membantu menstabilkan ekonomi. "Ia bukan untuk memencilkan ekonomi Malaysia, tetapi bagi melindungi kita daripada kuasa luar," katanya.

Najib dilaporkan memberitahu pelajar berkenaan bahawa seluruh Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepenuhnya dan percaya dengan semua tindakannya.

Katanya, Malaysia sedang melakukan sesuatu yang sukar dan seluruh dunia sedang memerhatikannya. "Kita boleh jayakannya dengan syarat kita mempunyai kestabilan politik," beliau dilaporkan sebagai berkata.

Najib memberitahu Bernama bahawa beliau kagum dengan pelajar berkenaan yang berminat mengetahui apa yang berlaku di Malaysia.

"Mereka bersikap terbuka, terus terang dan tidak membantah dan bersedia mendengar apa yang ingin saya katakan."

Yang turut hadir pada majlis perjumpaan antara Najib dan pelajar itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Datuk Adnan Othman, Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Eksekutif MDC Dr Norsaidatul Akmar.

Malam tadi, Najib menjadi tetamu kehormat majlis Makan Malam Anugerah Industri Multimedia Australia dengan menyampaikan Anugerah Best Young Adult kepada syarikat multimedia/Australian IT.

Esok, beliau akan berucap pada persidangan pelabur Koridor Raya Multimedia Malaysia sempena festival Multimedia Asia Pasifik dan IT, yang terbesar di hemisfera selatan.

-- BERNAMA

NDC RHM NMO